

27/05/1999

Pergaulan tingkat perpaduan kaum

ad Che Doh

KUALA LUMPUR, Rabu - Pergaulan umat Islam dengan masyarakat bukan Islam boleh memperluaskan minda, sekali gus menambah pengetahuan tanpa perlu mengabaikan amalan yang dituntut agama.

Malah, pergaulan dan sikap toleransi itu juga tidak akan merugikan umat Islam kerana ia mewujudkan perpaduan kaum untuk berkongsi kekayaan serta kemakmuran negara ini.

Pengerusi Majlis Pendidikan Pemuda Umno, Hamlan Din, berkata unsur inilah yang perlu ditekankan oleh guru agama, bukan mendorong kanak-kanak dan pelajar untuk mengasingkan diri.

"Sebenarnya, Islam sejak zaman Rasulullah, tidak pernah menghalang pergaulan di antara satu sama lain kerana komunikasi yang baik boleh mempereratkan hubungan sesama manusia serta meningkatkan perpaduan.

"Malah, pada waktu itu (zaman Rasulullah), umat Islam bergaul rapat dengan kaum Yahudi dan Nasrani. Dari aspek itu, umat Islam sekarang boleh mengambil iktibar yang positif untuk memajukan diri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mendedahkan ada guru agama di negara ini yang cuba mempengaruhi kanak-kanak supaya mengelak daripada bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

Menurut Perdana Menteri, mereka cuba mengasingkan diri secara fizikal daripada bukan Islam serta beranggapan hubungan dengan bukan Islam akan mencemari agama dan cara hidup mereka.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, menyifatkan tindakan guru agama terbabit sebagai bertentangan dengan ajaran Islam.

Katanya, Islam menuntut umatnya supaya bergaul dengan semua pihak kerana ini memberikan pelbagai manfaat, termasuk menimba ilmu dan bertukar pandangan untuk mencapai kemajuan.

"Dalam konteks Malaysia yang penduduknya berbilang kaum, sudah tentu pergaulan semua peringkat adalah asas penting bagi memupuk perpaduan.

"Sudah terbukti, keamanan dan perpaduan erat yang terjalin selama ini adalah daripada sikap pergaulan mesra antara rakyat," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Johor, Datuk Abdul Kadir Annuar, menyifatkan umat Islam tidak akan rugi jika mengamalkan dasar pergaulan fleksibel terhadap semua kaum.

Bagaimanapun, beliau berkata, umat Islam termasuk golongan pelajar harus bijak mengambil kira faktor positif dan sebaliknya melalui pergaulan dengan masyarakat berbilang kaum.

Sambil mengakui fenomena itu ada berlaku di Johor, Abdul Kadir berkata, sebagai golongan yang dihormati di kalangan masyarakat, tindakan waras harus disemaikan dengan perkara baik terhadap golongan muda.

"Pergaulan yang sihat sambil diawasi dengan baik boleh memberi faedah kepada umat Islam untuk tempoh jangka panjang," katanya.

Serentak itu, Abdul Kadir mengingatkan guru agama jangan terlampau fanatik sehingga tidak membenarkan anak mereka mahu pun pelajar bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

"Tindakan itu sebagai ketinggalan zaman kerana kita saling memerlukan di antara satu sama lain," katanya.

Di MELAKA, kerajaan negeri belum menerima laporan ada guru agama yang cuba mempengaruhi kanak-kanak Islam supaya tidak bercampur gaul dengan masyarakat bukan Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Agama Islam negeri, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus, berkata setakat ini beliau tidak menerima

sebarang maklumat mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, katanya, jika perkara itu memang berlaku, ia adalah sesuatu yang mendukacitakan dan jabatan pendidikan serta Jabatan Agama Islam sudah diarah mengadakan pemeriksaan mengejut terhadap beberapa sekolah.

"Setakat ini, pemeriksaan yang dilakukan, termasuk di beberapa taman didikan kanak-kanak, tidak mendapat sebarang maklumat mengenai adanya guru yang bertindak sedemikian.

"Sungguhpun begitu, kerajaan akan terus memantau gejala ini supaya ia tidak berlaku di negeri ini," katanya.

Di Alor Star, Jabatan Pendidikan Kedah bersedia mengambil tindakan terhadap guru agama yang cuba mempengaruhi pelajar supaya mengelak daripada bergaul dengan bukan Islam.

Pengarahnya, Hassan Hashim, berkata tindakan awal adalah memberi amaran supaya jangan mengulangi perbuatan itu dan diikuti tindakan ditukar ke sekolah lain jika tidak menghiraukan arahan pertama.

Katanya, setakat ini belum ada laporan guru agama di negeri ini bersikap demikian.

Di GEORGETOWN, Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Pulau Pinang bebas daripada sebarang tindakan mengasingkan kanak-kanak Islam daripada masyarakat bukan Islam di tadikanya di seluruh negeri itu.

Pengarahnya, Adnan Md Daud, berkata jabatan itu sentiasa memberikan tumpuan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan kanak-kanak yang diletakkan dalam jagaan mereka.

"Pergaulan kanak-kanak Islam dengan rakan bukan Islam sentiasa diberi penekanan bagi meningkatkan kesefahaman mengenai kepentingan perpaduan," katanya.

Beliau berkata, antara program yang menjurus ke arah perpaduan di kalangan kanak-kanak tadika Kemas negeri ini termasuk sukaneka, lawatan dan pertandingan melukis bagi mengeratkan hubungan sesama mereka.

Di KEPALA BATAS, Jawatankuasa Pembangunan Khariah Pulau Pinang meminta pemimpin masyarakat, terutama guru agama dan jawatankuasa khariah mengekalkan hubungan baik dengan penduduk bukan Islam.

Pengerusinya, Jasmin Mohamad, berkata Malaysia sebagai negara berbilang kaum perlu mementingkan perpaduan sebagai faktor utama mewujudkan kesefahaman antara rakyat.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Tasek Gelugor, berkata jika guru agama mengamalkan sikap menghalang kanak-kanak bergaul dan berkomunikasi dengan kaum lain ia menunjukkan kewujudan sikap permusuhan di kalangan rakyat di negara ini.

"Saya berharap pemimpin masyarakat dan guru agama di negeri ini tidak bermusuhan dengan bukan Islam, malah yang penting mendekatkan hubungan serta perpaduan yang menjadi tonggak bagi mewujudkan kehidupan yang harmoni antara rakyat di negara ini," katanya.

(END)